

Terma dan Syarat Umum Pertandingan Deklamasi Sajak

Peringkat Saringan

- a. Tema pertandingan ‘Deklamasi Sajak Hak Asasi Manusia’ adalah “Karamah Insaniah Tonggak Penghormatan Hak Asasi Manusia”.
- b. Pertandingan adalah terbuka secara saksama kepada semua murid sekolah rendah dan menengah yang sedang menuntut di sekolah bawah seliaan KPM sepanjang tempoh pertandingan dijalankan. Peserta mestilah tergolong dalam salah satu kategori yang dipertandingkan.
- c. Tempoh pertandingan adalah dari 1 Mei 2024 sehingga 30 Jun 2024.
- d. Setiap sekolah boleh menghantar beberapa penyertaan.
- e. Penyampaian adalah dalam Bahasa Melayu sahaja.
- f. Sajak yang disampaikan mestilah menepati tema yang telah ditetapkan.
- g. Peserta boleh memakai pakaian atau kostum yang bersesuaian dengan persembahan yang dibuat dengan syarat ia perlulah sopan dan tidak mencolok mata.
- h. Peserta boleh menggunakan sebarang alatan atau kelengkapan yang dirasakan perlu ketika persembahan.
- i. Peserta digalakkan merujuk kepada undang-undang domestik seperti Perlembagaan Persekutuan serta dokumen rasmi berkaitan hak asasi manusia seperti Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) dan Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat 1948 (UDHR) bagi mendapatkan maklumat sokongan yang tepat kepada persembahan.
- j. Penyertaan bagi saringan pertama perlu dihantar dalam bentuk video (format MP4, AVI, MOV atau FLV). Video mestilah dirakam dari sudut yang memperlihatkan kesemua peserta dalam kumpulan.
- k. Rakaman mestilah dibuat secara berterusan daripada awal sehingga tamat persembahan, tanpa sebarang suntingan (cutting/editing). Suntingan terhadap video penyertaan tidak dibenarkan sama sekali.
- l. Maksimum durasi persembahan ialah 6 minit.
- m. Teks persembahan yang disampaikan mestilah asli. Sebarang plagiat hasil kerja sedia ada yang telah atau belum diterbitkan tidak dibenarkan sama sekali. Pihak penganjur berhak untuk membatalkan mana-mana penyertaan sekiranya karya peserta didapati bukan bersifat asli.
- n. Setiap penyertaan perlu dihantar bersama-sama borang penyertaan yang telah lengkap diisi dengan maklumat yang tepat dan disahkan oleh pihak sekolah masing-masing (sama ada Guru Besar/Pengetua, Guru Penolong Kanan atau wakil guru yang berkenaan).
- o. Video bersama-sama teks persembahan hendaklah dihantar melalui emel rasmi pertandingan.
- p. Video penyertaan mestilah dihantar melalui pihak sekolah atau guru penyelaras sekolah masing-masing. Penyertaan melalui individu atau orang perseorangan tidak akan diterima.
- q. Kriteria pemarkahan adalah berpandukan borang pemarkahan seperti di lampiran.
- r. Keputusan pertandingan akan ditentukan sepenuhnya oleh panel juri yang telah dipilih dan bersifat muktamad. Sebarang bantahan tidak akan dilayan.
- s. Pihak penganjur berhak untuk menyunting, memuat naik atau menerbitkan setiap video penyertaan tanpa mengubah maksud asal yang ingin disampaikan, serta bagi tujuan program dan aktiviti hak asasi manusia yang dianjurkan. Nama peserta dalam video berkenaan akan dinyatakan bagi mengekalkan karya asal penyertaan.

- t. Bagi setiap kategori, pemenang akan menerima hadiah berbentuk wang tunai seperti berikut:
- Johan - RM1,000.00
 - Naib Johan - RM800.00
 - Tempat Ketiga - RM500.00
 - Hadiah Saguhati- RM100.00
- u. Semua peserta akan menerima sijil penyertaan manakala sekolah yang diwakili pemenang akan turut menerima sijil penghargaan.
- v. Pihak penganjur berhak mengubah syarat pertandingan yang dinyatakan dari semasa ke semasa, selagi mana ia dilaksana secara adil.

Sebarang pertanyaan berhubung pertandingan ini boleh diajukan kepada sekretariat SUHAKAM melalui talian 03-26125642 atau e-mel sekretariatsajak@suhakam.org.my.

Peringkat Akhir

- a. Tema pertandingan ‘Deklamasi Sajak Hak Asasi Manusia’ adalah “Karamah Insaniah Tonggak Penghormatan Hak Asasi Manusia”.
- b. Pertandingan akhir dijangka akan diadakan secara bersemuka pada 9 September 2024 ketika sambutan ‘Hari SUHAKAM 2024’.
- c. Penyampaian adalah dalam Bahasa Melayu sahaja.
- d. Sajak yang disampaikan mestilah menepati tema yang telah ditetapkan.
- e. Maksimum durasi persembahan adalah 6 minit.
- f. Peserta boleh memakai pakaian atau kostum yang bersesuaian dengan persembahan yang dibuat dengan syarat ianya perlulah sopan dan tidak mencolok mata.
- g. Peserta boleh menggunakan sebarang alatan atau kelengkapan yang dirasakan perlu ketika persembahan.
- h. Peserta digalakkan merujuk kepada undang-undang domestik seperti Perlembagaan Persekutuan serta dokumen rasmi berkaitan hak asasi manusia seperti Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) dan Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat 1948 (UDHR) bagi mendapatkan maklumat sokongan yang tepat kepada persembahan.
- i. Kriteria pemarkahan adalah berpandukan borang pemarkahan seperti di lampiran.
- j. Keputusan pertandingan akan ditentukan sepenuhnya oleh panel juri yang telah dipilih dan bersifat muktamad. Sebarang bantahan tidak akan dilayan.
- k. Keputusan pertandingan akan diumumkan oleh juri sejurus selepas pertandingan dan sesi pemarkahan selesai.
- l. Bagi setiap kategori, pemenang akan menerima hadiah berbentuk wang tunai seperti berikut:
- Johan - RM1,000.00
 - Naib Johan - RM800.00
 - Tempat Ketiga - RM500.00
 - Hadiah Saguhati - RM100.00
- m. Semua peserta akan menerima sijil penyertaan manakala sekolah yang diwakili pemenang akan turut menerima sijil penghargaan.
- n. Pihak sekolah perlu memastikan peserta ditemani oleh seorang ibu/bapa/penjaga/guru pengiring untuk hadir ke pertandingan akhir.

- o. Pihak penganjur berhak untuk menggunakan sebarang gambar atau video peserta yang diambil ketika pertandingan bagi tujuan promosi, dokumentasi atau lain-lain penggunaan.
- p. Pihak penganjur berhak mengubah syarat pertandingan yang dinyatakan dari semasa ke semasa, selagi mana ia dilaksana secara adil.

Sebarang pertanyaan berhubung pertandingan peringkat akhir ini boleh diajukan kepada sekretariat SUHAKAM melalui talian 03-26125642 atau emel sekretariatsajak@suhakam.org.my.